



Natasha Griggs

Administrator of Christmas Island
Administrator of the Cocos (Keeling) Islands



Community Bulletin

Beri pendapat anda tentang kemungkinan menubuhkan kasino di Pulau Christmas

Bilangan: A62 /2018

Tarikh: Khamis, 1 November 2018

Sebagai Pentadbir Pulau Christmas, amat penting saya pastikan pandangan komuniti kita dipertimbangkan dalam keputusan yang dibuat oleh Kerajaan Australia berkenaan dengan Pulau Christmas. Saya dengan sukacitanya ingin mengumumkan bahawa saya dan Jabatan Infrastruktur, Pembangunan Regional dan Bandar Raya akan bermesyuarat dengan komuniti dan juga dengan pihak-pihak yang terjejas tentang Pulau Christmas minggu depan untuk membincangkan kemungkinan menubuhkan sebuah kasino.

Jabatan ini telah mengeluarkan sebuah kertas perbincangan tentang *Kemungkinan menubuhkan kasino di Pulau Christmas* untuk memberi komuniti konteks perbincangan sebagai sebahagian daripada perundingan. Kertas perbincangan itu dilampirkan dan salinannya dalam bentuk bercetak akan dimasukkan ke dalam peti surat anda. Sebuah laporan bebas yang menyelidik beberapa pilihan dari segi peraturan dan pematuhan bagi sebuah kasino di Pulau Christmas juga telah dikeluarkan untuk makluman anda.

Perundingan akan diatur dengan organisasi-organisasi dalam komuniti dan pihak-pihak yang terjejas. Sebuah mesyuarat Dewan Perbandaran akan diadakan pada hari Khamis, 8 November 2018 jam 6.30 petang di Poon San Hall dan semua anggota komuniti dijemput hadir. Jika anda atau organisasi komuniti anda berminat menyertai perundingan, sila hubungi pejabat saya melalui talian telefon (08) 9164 7901 atau secara e-mel di alamat david.eizenberg@infrastructure.gov.au.

Serahan dan maklum balas juga boleh dikemukakan secara bertulis dengan menggunakan borang yang dilampirkan. Hantarkan serahan anda secara e-mel ke: indianoceanterritories@infrastructure.gov.au. Selain itu, sebuah peti selamat juga akan disediakan semasa mesyuarat Dewan Perbandaran untuk menerima serahan bertulis, di samping itu sebuah lagi peti di bangunan pejabat pentadbir yang boleh digunakan 24/7. Serahan bertulis mesti sampai kepada kami pada atau sebelum 14 November 2018.

Jabatan ini telah memaklumkan bahawa hasil perundingan ini akan dicatatkan dan sebuah laporan akan disediakan untuk komuniti kemudian pada tahun ini juga. Maklum balas yang diterima daripada komuniti akan digunakan, mungkin untuk menyusun sebuah usul yang akan dipertimbangkan oleh Kerajaan Australia. Saya dan pihak Jabatan ini sangat berminat mendengar pandangan, masalah dan kekhawatiran anda tentang kemungkinan menubuhkan kasino di Pulau Christmas.

Natasha Griggs
Pentadbir - Wilayah Pulau Christmas dan Kepulauan Cocos (Keeling)

PO Box 868, Christmas Island INDIAN OCEAN 6798
Telefon: +61 8 9164 7960 • Faksimile: +61 8 9164 7961
www.infrastructure.gov.au